

kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau emel kepada rencana@hmetro.com.my

Pelajar terganggu cinta ditolak

Pelajaran terjejas cinta tak terbalas rakan sekelas masih sayang bekas kekasih

SOALAN 1

SAYA pelajar tingkatan lima dan kini jatuh cinta dengan rakan sekelas. Masalahnya, dia mengetahui perasaan saya terhadapnya daripada seorang rakan sekelas tidak dapat menerima cinta saya.

Ini kerana dia masih mencintai dan menyayangi bekas kekasihnya.

Kini, saya tidak boleh belajar dengan tenang disebabkan perkara ini. Apa yang harus saya lakukan Dr?

Perluah saya bersemuka dengannya dan menyatakan sendiri hasrat saya kepadanya?

Amy,
KUALA LUMPUR

JAWAPAN 1

JATUH cinta dengan rakan sekelas adalah perkara normal kerana perasaan cinta akan wujud andai kita sering bersama.

Secara psikologinya apabila sering berjumpa, kemungkinan untuk tertarik adalah lebih tinggi. Cinta juga memonopoli perasaan dan akibatnya apabila cinta ditolak adik tidak boleh belajar dengan tenang.

Dr tidak tahu sama ada cinta itu sejati atau bersifat sementara. Cinta bersifat sementara ini boleh berlaku akibat meminati atau rasa terpegun dengan sikap seseorang.

Bak kata orang "meminati, mengagumi, suka dan sayang

sebenarnya cinta. Ini kerana cinta itu adalah cinta."

Untuk mengetahui sama ada cinta adik bersifat sementara atau kekal, ingat kembali semua sikapnya yang membuahtkan adik mencintai si dia.

Kemudian fikirkan juga mengenai individu lain. Bayangkan individu itu mempunyai semua sikap yang adik sukai lebih banyak berbanding dia.

Adakah anda masih mencintai rakan sekelas adik itu atau cinta itu berpindah kepada individu lain?

Jika rasa cinta itu sudah berpindah kepada individu lain, ia membuktikan cinta adik itu adalah cinta sementara.

Cinta sejati adalah satu perasaan yang tahan lama

dan ia boleh melalui pelbagai dugaan.

Dalam bercinta juga, individu akan menyayangi orang yang dicintai lebih daripada dirinya. Cinta sejati itu tidak mementingkan diri.

Mengenai masalah adik, cinta adik ditolak rakan sekelas kerana dia masih mencintai bekas kekasihnya.

Alasannya logik kerana hubungan emosi dan perasaan yang pernah terbina antaranya dengan bekas kekasih bukan sesuatu yang mudah dilupakan.

Ada kata-kata yang mengatakan "sungguh menyakitkan mencintai seseorang yang tidak mencintaimu, tetapi lebih menyakitkan apabila

mencintai seseorang dan kamu tidak punya keberanian untuk menyatakan cintamu kepadanya."

Ini juga menunjukkan bahawa adik serius untuk menjalinkan hubungan dengannya.

Bagaimanapun, dalam membina hubungan terutama dalam usia macam adik, banyak faktor perlu diambil kira. Perhubungan itu perlu ada batasnya dan tidak menyebabkan adik mengabaikan pelajaran apatah lagi selepas ini perlu menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Cinta tidak boleh dipaksa. Jika rakan sekelas tidak menerima cinta adik, hormatilah perasaannya.

Berikanlah dia ruang memilih siapa yang disukai. Jangan membencinya.

Sebaliknya, doakanlah kebahagiaan.

Ini kerana jika mencintai seseorang, kita seharusnya sentiasa mendoakannya walaupun dia tidak berada di sisi.

Cinta sejati itu adalah ketika kita mencintai orang lain, dan kita masih mampu tersenyum sambil berkata aku turut bahagia untukmu.

Jika adik turut bahagia untuknya, adik mungkin akan menjadi lebih tenang dan ini memudahkan untuk belajar.

Dr mendoakan adik menemui cinta sejati satu hari nanti dan berjaya dalam pelajaran.